

Anwar bersama Loke meninjau kemudahan Aerotrain terkini pada hari pertama pengoperasian semula di KLIA, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

# PM puji prestasi lebih baik Aerotrain

BERITA HARIAN 02 JUL 2025 m/s: 3

## AEROTRAIN KLIA TERMINAL 1

Kemudahan dinaik taraf persiap KLIA sebagai hab penerbangan utama serantau

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Sepang:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memuji perkhidmatan Aerotrain baharu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 di sini.

Perdana Menteri yang meninjau dan merasai sendiri pengalaman menaiki kemudahan itu menyifatkannya lebih baik berbanding dahulu.

“(Aerotrain) amat baik, lebih laju berbanding dahulu,” katanya ringkas ketika ditemui selepas meninjau kemudahan Aerotrain yang sudah dinaik taraf dan mula beroperasi semula sepenuhnya pagi semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke.

### Tertangguh 28 bulan

Selepas tertangguh selama 28 bulan, perkhidmatan tren tanpa pemandu itu sudah melalui proses naik taraf bernilai RM456 juta di bawah Pelan Regenerasi Lapangan Terbang oleh Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), bertujuan mempersiapkan KLIA

- Kos naik taraf **RM456** juta
- Sistem pemantauan keadaan canggih
- Kurangkan gangguan operasi
- Kecekapan dan keselesaan penumpang dipertingkatkan

### Tren Baharu:

- Alstom Innovia APM 300R (teknologi terkini)
- Tanpa pemandu

### Kapasiti:


- **270** penumpang setiap unit tren (3 gerabak)

### Kelajuan:

- Sehingga **56 km/j**

### Masa Perjalanan:

- Kurang 3 minit antara Terminal Utama- Terminal Satelit



Infografik BH

untuk masa hadapan sebagai hab penerbangan utama di rantau ini.

Aerotrain yang sinonim dengan KLIA sejak 1998 kini dilengkapi set tren Alstom Innovia APM 300R berteknologi tinggi.

Setiap unit tren tiga gerabak itu mampu membawa sehingga 270 penumpang dan bergerak pada kelajuan sehingga 56 kilo-

meter sejam, memendekkan masa perjalanan antara terminal utama dan terminal satelit kepada kurang tiga minit.

Tren baharu itu turut dilengkapi sistem pemantauan keadaan canggih direka mengurangkan gangguan perkhidmatan serta meningkatkan kecekapan operasi, sekali gus menambah keselesaan kepada penumpang.